

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes baharu kekal satu angka

Malaysia catat enam kes baharu positif Covid-19 setakat semalam

KUALA LUMPUR

Kes positif koronavirus (Covid-19) kekal mencatat satu angka semalam dengan enam kes baharu melibatkan tiga kes penularan tempatan dan tiga kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kes penularan dalam negara itu membabitkan dua kes daripada Kluster Benteng LD dan satu kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) yang dikesan di sebuah pusat perubatan dan sedang mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang.

Beliau berkata, tiga kes import pula dilaporkan di Wilayah Persekutuan yang mendapat jangkitan dari Indonesia dan Bangladesh dengan kesemua mereka merupakan rakyat asing.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 9,397 kes. Jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 pula 154 kes," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Beliau berkata, terdapat dua kes pulih daripada Covid-19 semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 9,115 kes atau 97 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sehingga kini, terdapat enam kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan tiga kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



Pecahan kes baharu Covid-19 yang dicatatkan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal 128 atau 1.36 peratus daripada

jumlah keseluruhan kes. Mengulas mengenai status terkini Kluster Benteng LD, beliau memaklumkan terdapat dua pertambahan kes baharu semalam (kes ke-9,395 dan kes ke-9,396) bagi kluster di Sabah itu.


Beliau berkata, kes ke-9,395 merupakan anak saudara kepada kes ke-9,351 dan dikesan bergejala pada 1 September sebelum dimasukkan ke Hospital Tawau pada 2 September.

"Bagi kes ke-9,396, beliau merupakan anak saudara kepada kes ke-9,395. Kes dikesan positif pada 5 September dan dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan," katanya.

Katanya, pertambahan dua kes semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif bagi Kluster Benteng LD adalah sebanyak 16 kes dengan seramai 776 orang disaring setakat ini. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| | | | | | | | | | |
|---------------------|--------------|--------|--------------|------|----------|-----------|------------|-------------|-----------|
| JUMLAH KESELURUHAN: | 9,397 | PULIH: | 9,115 | ICU: | 6 | KEMATIAN: | 128 | KES BAHARU: | +6 |
|---------------------|--------------|--------|--------------|------|----------|-----------|------------|-------------|-----------|

+ Dikemas kini pada jam 7 petang 6 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,391 kes kepada 9,397 kes



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC